

**Sokongan Pengundi Terhadap BN Meningkat - Shafie Apdal
Bernama
22 Julai, 2013**

KUALA BESUT, 22 Julai (Bernama) -- Sokongan pengundi terhadap Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut terus meningkat walaupun pembangkang mula berkempen menyerang peribadi lawan, kata Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Beliau berkata keyakinan itu berlandaskan pengakuan pengundi sendiri ketika sesi turun padang beliau ke beberapa kampung di sini sejak hari penamaan calon 12 Julai lepas.

"Sesi lawatan dan kempen saya ke beberapa buah kampung mendapati tahap sokongan terhadap calon amat menggalakkan, malah ada antara penduduk menyatakan secara terbuka tetap akan menyokong BN walaupun petugas parti lawan yang membawa mereka ke pusat pengundian kelak.

"Saya yakin jumlah sokongan dari kampung ini mampu ditambah, terutama pengundi atas pagar yang mana pada pilihan raya umum lalu berpihak kepada lawan," katanya merujuk kepada Kampung Nangka, Kampung Lampu dan Kampung Beris Lampu yang berada di bawah seliaannya.

Bercakap kepada pemberita selepas menyerahkan sumbangan kepada 16 keluarga angkat KEMAS di Kampung Nangka di sini hari ini, beliau berkata jentera parti akan terus bekerja keras memastikan setiap pengundi dari kampung berkenaan keluar mengundi pada hari pengundian.

Naib Presiden Umno itu berkata sokongan itu juga berlandaskan beberapa faktor antaranya calon yang diketengahkan BN adalah seorang profesional serta dinamik yang diyakini pengundi mampu memberi pembelaan sewajarnya kepada penduduk di Kuala Besut.

Shafie berkata keadaan positif itu turut dibantu faktor pelantikan Datuk Seri Idris Jusoh sebagai Menteri Pelajaran Kedua di mana dengan kedudukan itu dilihat bakal menjadi jambatan dalam memusatkan pembangunan dan pembelaan kepada rakyat di kawasan itu.

"Kuala Besut dan dua lagi DUN berada di bawah Parlimen Besut yang kesemuanya diterajui BN, jadi adalah lebih elok jika pengundi memastikan kawasan ini juga terus berada bawah BN, bagi memastikan pembangunan di semua kawasan dapat dijalankan dengan lebih baik," katanya.

Pilihan raya kecil pada Rabu ini menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon BN Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman dengan Endot@Azlan Yusof dari PAS.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965270>